

# 30 guru ikuti Bengkel Penulisan Berita Asas

UB 26.04.2012 135

**S**ERAMAI 30 guru sekolah rendah dan menengah telah mengikuti Bengkel Penulisan Berita Asas Siri 1/2012 yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN), Wilayah Persekutuan Labuan, Jalan Mohd Salleh, Kampung Bukit Kalam, Jumaat lalu.

Bengkel itu dikendalikan oleh Ahli Fotografi Kanan, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Azri Onn Othman yang juga Editor Laman Web UMS-KAL.

Majlis Perkongsian Ilmu itu bertujuan untuk mendedahkan kepada guru-guru mengenai penulisan berita asas untuk dimuatkan ke dalam laman web sekolah dan media cetak serta elektronik tempatan.

Ketua Penolong Pengarah BTPN, Ag Marten Abd Rahman berkata bengkel itu akan diadakan lagi pada Jun depan bagi memastikan aktiviti dan program yang diadakan di sekolah mendapat liputan yang sewajarnya.

Beliau berharap peserta akan melaporkan kegiatan murid dan guru di sekolah masing-masing ke laman web sekolah dan media massa untuk tatapan orang ramai khasnya ibu bapa dan penduduk setempat.

“Dengan adanya publisiti dan promosi, orang ramai khasnya ibu bapa dan penduduk setempat akan mengetahui aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Labuan dan sekolah,” katanya.

Bagaimanapun, Ag Marten mahu semua artikel dan berita mengenai jabatan dan sekolah itu perlu mendapat kelulusan pengetua dan guru besar sebelum ia disiarkan oleh media cetak dan elektronik.

Beliau yang mewakili Pengarah Jabatan Pelajaran Labuan, Mistirine Radin tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada media yang banyak membuat liputan program yang dianjurkan jabatan dan pihak sekolah.

Turut hadir Ketua Sektor Pengurusan dan Pembangunan, Jabatan Pelajaran Labuan, Azniza Azmi dan Pegawai BTPN, Ardain Abdullah.



**AGMARTEN (tengah) bersama peserta Bengkel Penulisan Berita Asas di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Labuan.**